

**Nestlé Malaysia Catat Perolehan S1 Stabil,  
Disokong oleh Pemulihan Eksport Kukuh**  
*Komitmen Pelaburan Syarikat Bagi 2020 Tertinggi Dalam Enam Tahun*

**SOROTAN PENTING**

- Perolehan bagi suku tahun dilaporkan kekal stabil pada RM1.43 bilion walaupun menghadapi situasi COVID-19 dan Tahun Baru Cina lebih awal berbanding 2019.
- Pemulihan eksport dan jualan kukuh segmen penggunaan di dalam rumah telah menampung kesan penutupan sementara saluran runcit di Luar Rumah di bawah Perintah Kawalan Pergerakan.
- Mengumumkan projek perbelanjaan modal baharu berjumlah RM280 juta; pelaburan terbesar dalam tempoh enam tahun lepas.

**PETALING JAYA, 5 Mei 2020** – Nestlé (Malaysia) Berhad mencatatkan keputusan kukuh bagi suku pertama berakhir 31 Mac 2020, dalam pasaran yang dibelenggu situasi COVID-19 dan usaha menampung penularannya di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kumpulan juga telah mengumumkan peruntukan berjumlah RM280 juta untuk perbelanjaan modal, angka tertinggi dalam tempoh enam tahun, untuk mengembangkan perniagaan pada 2020.

**Penilaian Prestasi (Suku 1, 2020 berbanding Suku 1, 2019)**

Perolehan bagi suku tahun dilaporkan berjumlah RM1.43 bilion, pada asasnya setara dengan RM1.45 bilion yang dicapai pada suku tahun sama pada tahun sebelumnya, yang dimanfaatkan daripada tempoh Tahun Baru Cina yang lebih positif.

Menurut En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé (Malaysia) Berhad, “Keputusan kami bagi suku tahun ini dilihat kukuh, memandangkan aktiviti Tahun Baru Cina yang lebih awal dan kesan ketara COVID-19 dan PKP dalam sesetengah sektor aktiviti. Penyusutan kecil jualan domestik pada suku tahun yang dilaporkan adalah hasil daripada prestasi kukuh saluran penggunaan di dalam rumah yang diimbangi oleh oleh kemerosotan besar perniagaan di Luar Rumah bersifat sementara. Secara khususnya, Perniagaan di Luar

Rumah kami, seperti sektor-sektor lain, antara yang terawal terjejas akibat pengurangan kekerapan makan di luar di Malaysia sejak permulaan pandemik, diikuti penutupan umum kemudahan menjamu selera di restoran, kedai kopi dan kedai makan lain sejak pelaksanaan PKP.”

“Namun begitu, kesan ini diimbangi oleh pemulihan kukuh dalam jualan eksport, yang berkembang pada kadar 8.8% dan prestasi mantap dalam perniagaan makanan dan minuman teras, di samping jaminan kami untuk membekalkan produk asas yang stabil, mampu dipercayai dan berterusan ke kedai-kedai. Prestasi perniagaan pada suku tahun yang dilaporkan disokong oleh pelaksanaan jualan mantap Kumpulan, kejayaan memperkenalkan produk baharu (khususnya Aiskrim KIT KAT) dan pelancaran kukuh kempen pemasaran seperti Peraduan Nestlé Gaji Seumur Hidup, yang merupakan peraduan seluruh negara terbesar yang pernah dianjurkan oleh Nestlé Malaysia. Peraduan ini memberi peluang kepada rakyat Malaysia untuk memenangi ‘Gaji Seumur Hidup’ sebanyak RM3,000 setiap bulan, antara pelbagai hadiah lain.”

Kumpulan mencatatkan Untung Sebelum Cukai RM246.3 juta bagi suku tahun yang dilaporkan, manakala Untung Selepas Cukai berjumlah RM186.3 juta. Margin keuntungan tetap kukuh walaupun dengan kos komoditi lebih tinggi dan Tahun Baru Cina yang lebih awal, namun terjejas oleh ketidakstabilan tukaran mata wang, dan lebih penting lagi, oleh kesan situasi COVID-19 terhadap margin saluran di Luar Rumah berikutan penyusutan sementara jualan, dan juga kos tambahan yang tinggi untuk melindungi keselamatan kakitangan kami dan menjamin kesinambungan operasi Syarikat semasa wabak COVID-19.

Dalam konteks pandemik ini, Kumpulan telah memberi keutamaan kepada persekitaran kerja yang selamat bagi kakitangan. Perbelanjaan operasi tambahan bagi COVID-19 termasuk Peralatan Perlindungan Peribadi kakitangan, penyesuaian protokol keselamatan tambahan di semua kemudahan dan usaha lain untuk melindungi tenaga kerja. Elaun sementara juga telah diberikan kepada kakitangan yang bekerja di kilang, pusat pengagihan dan jualan sepanjang PKP, bagi mengiktiraf sumbangan tambahan mereka dalam situasi ini. Di samping itu, Nestlé telah memperuntukkan dana yang besar untuk meringankan beban kakitangan barisan hadapan perubatan, selain beberapa tindakan bantuan wabak, termasuk kerjasama kami dengan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia.

### **Tinjauan 2020**

En. Aranols menambah, “Sejak dari permulaan wabak COVID-19 pada lewat bulan Januari, kami telah mengambil langkah pencegahan proaktif untuk melindungi kakitangan kami.

Sepanjang pandemik, kami telah bekerjasama rapat dengan pihak-pihak berkuasa dan rakan-rakan perniagaan kami untuk melindungi kesihatan dan kesejahteraan semua kakitangan, sambil memastikan kesinambungan perniagaan selain memenuhi kewajipan kami kepada negara, sebagai pengeluar makanan dan minuman asas.”

“Cabaran yang timbul daripada situasi COVID-19 akan terus berlarutan pada bulan-bulan akan datang. Walaupun sukar untuk meramalkan sejauh mana perubahan yang tercetus akibat pandemik ini, kami sedang menyesuaikan diri dengan cabaran ‘kebiasaan baharu’ dan yakin terhadap keupayaan kami untuk memanfaatkan peluang pertumbuhan baharu pada 2020. Kami akan merebut peluang pertumbuhan di semua saluran, termasuk menggiatkan segmen e-dagang dan mengambil kesempatan daripada peningkatan permintaan produk penghantaran ke rumah. Kami juga akan meneruskan usaha memelopori inovasi dan bersedia untuk memperkenalkan rangkaian produk baharu yang kukuh pada separuh kedua tahun.”

“Secara keseluruhan, kami komited untuk mencatatkan keputusan mantap dan kukuh pada tahun yang dilaporkan, walaupun menghadapi ketidakpastian dan cabaran luar. Kami juga akan terus membina keupayaan jangka panjang. Pada tahun ini, kami akan memperuntukkan perbelanjaan modal yang terbesar dalam tempoh enam tahun, RM280 juta. Pelaburan ini akan menambah keupayaan pembuatan baharu, termasuk meluaskan kapasiti pengeluaran sedia ada bagi Mi MAGGI, dan juga rangkaian pengeluaran teknologi tinggi terbaharu di Shah Alam yang membolehkan kami menceburi kategori pertumbuhan tinggi baharu yang berpotensi besar pada masa depan.”

“Kami yakin terhadap potensi dan keupayaan Malaysia memulihkan ekonomi setelah krisis COVID-19 berlalu, dan kami komited untuk memainkan peranan menyokong negara ini dan memberikan bantuan kepada rakyat Malaysia yang paling memerlukan pada masa-masa yang sukar ini. Memandangkan Malaysia baru sahaja memasuki fasa pembukaan semula ekonomi di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat, kami mahu menggalakkan seluruh rakyat Malaysia, bermula dengan semua warga Nestlé dan rakan niaga kami, untuk mematuhi sepenuhnya arahan Kerajaan supaya kita boleh bersama-sama berjaya dalam peperangan menentang pandemik ini,” rumus En. Aranols.

#### **Mengenai Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di 189 buah negara di seluruh dunia, dan seramai 328,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, iaitu untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan serta memainkan peranan untuk membina masa depan yang lebih sihat. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti

kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

---

Untuk maklumat lanjut:

**Maxine Lim**

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 6650  
+6012-353 1337

E-mel: [Maxine.Lim@my.nestle.com](mailto:Maxine.Lim@my.nestle.com)

**Yasmin Kadir atau Rachel Ng**

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348  
+6017-237 9048 (Yasmin) atau  
+6016-318 2325 (Rachel)

E-mel: [acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)